

U 8039 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENUDUH KERAJAAN TIDAK DEMOKRATIK DAN SEBALIKNYA MEMEGASKAN BAHAWA NEGARA BUKAN SAHAJA MENGAMALKAN DEMOKRASI DAN PEMERITAHANNYA TERTAKLUK KEPADA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG.

DALAM PENTADBIRAN YANG DIASASKAN KEPADA UNDANG-UNDANG, ADA PRINSIP TERTENTU YANG NESTI DIIKUTI DAN TIADA SIAPA TERKECUALI DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG, KATA PERDANA MENTERI DALAM UCAPAN DASARNYA DIPERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PNTC), DI SINI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYATAKAN KESAL KERANA BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABUL RAHMAN, YANG DIHormati SEBAGAI SEORANG BTOKOH NEGARA, TELAH TURUH MENUDUH KERAJAAN SEKARANG TIDAK DEMOKRATIK.

+TETAPI MALANGNYA TUNKU SENDIRI TELAH DIKELIRU DAN DISERETKAN KE DALAM PERMAINAN POLITIK PIHAK-PIHAK TERTENTU UNTUK MEMENUHI KEHAUAN MEREKA,+ KATANYA.

MESKIPUN DIUNDANG TUNKU, BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN, BEKAS TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM MUNCUL DI MAJLIS PERASMIAN PERHIMPUNAN YANG LAZIMNYA DIHADIRI BEKAS PEMIMPIN VETERAN PARTI.

MENURUT PERDANA MENTERI, SEBENARNYA YANG TIDAK DEMOKRATIK IALAH KERAJAAN MALAYSIA YANG PERTAMA (PIMPINAN TUNKU). --LAGI
1520MST 28 10 88

U 8044 AAB
MAHATHIR-DEMOKRASI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA UMUM MEMSETAHUI BAHAWA UMNO, PARTI PERIKATAN DAN KABINET TIDAK DIRUNDING SAMA SEKALI APABILA TUNKU MENGUMUMKAN PENUBUHAN MALAYSIA DI SATU MAJLIS DI SINGAPURA.

JIKA DEMOKRASI BENAR-BENAR HAJUD DI MASA ITU, PERKARA SEBESAR ITU SEPATUTNYA DIBERI PELUANG KEPADA SEMUA PIHAK MENYUARAKAN PENDAPAT MASING-MASING.

DEMIKIAN JUGA DENGAN PEMISAHAN SINGAPURA DARI MALAYSIA, KATANYA DAN KEPUTUSAN NUKTANAD DIBUAT DI LONDON DAN ALLAHYARHAM TUN RAZAK, SELAKU TIMBALAN PERDANA MENTERI HANYA DIBERITAHU MENGENAI KEPUTUSAN ITU.

ALLAHYARHAM TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR YANG MENENTANS TINDAKAN ITU DISUGURKAN DARIPADA SETIUASAHAA AGUNG UMNO.

SEBELUM KERAJAAN SEKARANG, PERMIT UNTUK MENERBIT AKHBAR DAN MAJALAH SUKAR DIPEROLEHI. KERANA MENSKRITIK UMNO, MASKAH-MASKAH AKHBAR MINGSIUAN MARTA TERBITAN SINGAPURA DIKELUARKAN DARIPADA STESEN KERETAPI JOHOR BAHRU DAN DIBAKAR ATAS ARAHAN PRESIDEN UMNO.

AKHBAR UTUSAN MELAYU DIAMBIL-ALIH OLEH UMNO DAN AKHBAR THE STRAITS TIMES JUSA DIBELI OLEH UMNO. APABILA AKHBAR CHINA PRESS YANG MENSKIRITIK KERAJAAN LESENNYA DITARIK BALIK.

MENURUT BELIAU LEBIH BANYAK AKHBAR DAN MAJALAH TERMASUK YANG MENENTANS KERAJAAN DICETAK SEJAK TAHUN 1981 DAN KERAJAAN HANYA MENARIK BALIK PERMIT KON BEBERAPA AKHBAR, SEPERTI YANG DIBUAT PADA BULAN OKTOBER LALU, KERANA CUBA MELAGA-LAGAKAN KAUM-KAUM DI NEGARA INI. -- LAGI
1530MST 28 10 88

0740

U 8047 AAB
MAHATHIR-DEMOKRASI 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK BENAR SEPERTI DIDAKNA BAHAWA PADA MASA LALU HANYA KOMUNIS SAHAJA YANG DITAHAN.

KATANYA, LEBIH 2,000 DITAHAN SEMASA PEMERINTAHAN TIGA PERDANA MENTERI DAN MEREKA TERMASUK ANGGOTA PAS, PARTI BURUH DAN DAP. MEREKA TERMASUK PEMIMPIN DAP ENCIK LIM KIT SIANG, BEKAS MENTERI KABINET ENCIK AZIZ ISHAK DAN MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANNAR IBRAHIM.

PADA PERHujung TAHUN 1968 DAN AWAL 1969, PARTI BURUH MENGADAKAN PERLETAKAN JAJARAN WAKIL RAKYAT SEORANG DEMI SEORANG DAN PERLEMBAGAAN KEMUDIAN DI PINDA UNTUK MEMBOLEHKAN SESUATU KEKOSONGAN TIDAK DIISI SEKIRANYA BERLAKU ENAM BULAN SEBELUM TAMAT TEMPOR BIASA PARLIMEN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN SEKARANG TELAH DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DAHULU, BAHKAN, ADA TINDAKAN KERAJAAN DAHULU YANG LEBIH TIDAK DEMOKRATIK.

MENGENAI PRINSIP UNDANG-UNDANG YANG DIPEGANG DAN DIBONGG KERAJAAN, BELIAU BERKATA MEMANG BENAR RAJA-RAJA YANG MEMERINTAH TIDAK TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG BIASA TETAPI TIDAKLAH BEBAS SEHINGGA BOLEH MELAKUKAN JENYAH.

+PADA HAKIKATNYA KITA SEMUA, SAHADA PERDANA MENTERI ATAU BURUH KASAR, SAMADA KITA HAKIM ATAU PESALAH, SEMUANYA TERTALUK KEPADA UNDANG-UNDANG,+ KATANYA. --LASI
1540MST 28 10 88

0750

U 8064 AAB
MAHATHIR-DEMOKRASI 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERLEMBAGAAN, BELIAU BERKATA UNDANG-UNDANG YANG DIGUBAL MANUSIA BOLEH DIPINDA TETAPI PINDAAN TERSEBUT TERTAKLUK KEPADA PRINSIP-PRINSIP TERTENTU.

+KITA TIDAK BOLEH MEMINDA UNDANG-UNDANG SEHINGGA MAHKAMAH DIBATALKAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH JIKA KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN, PARLIMEN AKAN MENJADI SEBUAH MAHKAMAH YANG LEBIH TINGGI DARIPADA MAHKAMAH AGUNG.

UNTUK MENENTUKAN HAKIM-HAKIM BEBAS DARIPADA TEKANAN MANA-MANA PIHAK, PERUNTUKAN KHAS DIBUAT DALAM PERLEMBAGAAN SUPAYA HAKIM TIDAK MUDAH DISINGKIRKAN DAN HANYA HAKIM-HAKIM BERHAK MENYINGKIRKAN SESEORANG HAKIM MELALUI MELALUI SEBUH PERLANTIKAN TRIBUNAL. RAJA YANG MEMERINTAH TERTAKLUK KEPADA NASIHAT TRIBUNAL.

PENYINGKIRAN HAKIM (SEBELUM INI) MUNGKIN TIDAK PERNAH DIBUAT DI MALAYSIA SEPERTI YANG PERNAH BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA TERMASUK KANADA, AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN DAN INDIA.

+APAKAH YANG ISTIMEWA SANGAT DENGAN HAKIM DI MALAYSIA SEHINGGA MEREKA DIANGGAP LEBIH TINGGI DARIPADA UNDANG-UNDANG,+ KATANYA SEBAGAI MENSULAS KENYATAAN KUMPULAN YANG MENENTANGKAN KERAJAAN YANG MAHU KEDUDUKAN KETUA HAKIM NEGARA YANG DIPECAT TUN SALLEH ABAS DAN HAKIM MAHKAMAH AGUNG YANG DISINGKIR DIPULIHKAN.

KUMPULAN TERSEBUT MENGADAKAN PELBAGAI TINDAKAN UNTUK +HIJACK+ UMNO, MENGOSONGKAN KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN NEGERI UNTUK MEMAKSA PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN DAN SEGALA TINDAKAN MEREKA MENDAPAT SOKONGAN DAN GALAKAN KUMPULAN PEMBANGKANG DALAM NEGERI DAN MEDIA ASING TERTENTU.

TUJUAN MEDIA ASING DAN KUMPULAN TERTENTU ITU IALAH UNTUK MENJEJASKAN KESTABILAN DAN PEMBANGUNAN MALAYSIA, KATA BELIAU.
--BERNAMA

1601MST 28 10 88